

TKBS terima sumbangan BND13 ribu

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Januari. - Satu majlis penyerahan derma kepada Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) berjumlah BND12,000 daripada Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam diadakan di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menerima sumbangan tersebut yang diserahkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof selaku Raes Rabithah Antarabangsa Alumni Azhar Brunei Darussalam.

Turut menghulurkan sumbangan di majlis berkenaan ialah



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kanan) menerima sumbangan yang diserahkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof selaku Raes Rabithah Antarabangsa Alumni Azhar Brunei Darussalam dan Pemangku Pengarah Urusan Hani Marzuqi Car Rental Sendirian Berhad, Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin (kanan dan kiri).

Pemangku Pengarah Urusan Hani Marzuqi Car Rental Sendirian Berhad, Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin berjumlah BND1,000 kepada Yang Berhormat Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil;

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Naib Raes Alumni; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayangku Siti

Saihalina binti Pengiran Haji Md. Daud dan beberapa orang wakil dari alumni dan syarikat berkenaan serta para pegawai kanan KKBS. Kutipan derma TKBS ditutup Isnin depan, 7 Januari 2019.

Taklimat mantapkan iltizam bagi penghuni pra-bebas

Siaran Akhbar dan Foto :
Komiti Aftercare Brunei Darussalam

TUTONG, Sabtu, 5 Januari. - Satu sesi taklimat dan penerangan bertajuk 'Mantapkan iltizam bagi menangani masalah sosial' telah diadakan khusus kepada penghuni dalam peringkat pra-bebas yang berlangsung di Institusi Penjara Maraburong Fasa 3.

Melalui penerangan ini, bakal peserta program rakan seliaan mendengar sendiri peluang latihan dan pekerjaan daripada pihak sektor swasta dan Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan (NGOs) untuk mengubah

kehidupan mereka supaya menjadi orang yang produktif dalam masyarakat dan dapat membantu mereka menangani cabaran dan stigma.

Ini merupakan program kerjasama Bahagian Reintegrasi, institusi-institusi di bawah Jabatan Penjara dan pihak NGOs bermula Disember 2018 bagi meningkatkan sokongan pihak-pihak yang berkepentingan bagi membantu rakan seliaan memanfaatkan kemahiran dan minat mereka dalam bidang pekerjaan dan perusahaan.

Program ini nanti diharap boleh membantu mereka berdikari seterusnya menyumbang kepada pengurangan masalah sosial.

Sehubungan itu, beberapa taklimat turut disampaikan



SESI taklimat dan penerangan bertajuk 'Mantapkan iltizam bagi menangani masalah sosial' dari institusi-institusi di bawah Jabatan Penjara dan pihak NGOs.

oleh wakil-wakil daripada Jawatankuasa Aftercare Brunei Darussalam (Protam),

Mustapa bin Haji Masri selaku Pengerusi; Wakil dari Asia Enterprise, Pengarah Urusannya,

Tuan Chai Yum Fatt dan Pengarah Am, Sabli Group of Companies, Jasmadi Jamudin.

Rondaan pencegahan jenayah bersama PK Kampung Labi I

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



AHLI Pengawasan Kejiranan (PK) Kampung Labi I ketika membuat rondaan pencegahan jenayah.

BELAIT, Sabtu, 5 Januari. - Rondaan pencegahan jenayah telah dikendalikan oleh Balai Polis Labi bersama ahli Pengawasan Kejiranan (PK) Kampung Labi I baru-baru ini.

Rondaan tersebut diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai, Inspektor Mohd. Nazmi bin Haji Ismail bersama ahli Focal Point Labi dan anggota dari Balai Polis Labi.

Hadir bersama ialah Ketua Kampung Labi I dan juga Pemangku Penghulu Mukim Labi, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput turut menyertai

rondaan tersebut.

Rondaan tertumpu di kawasan bangunan-bangunan kerajaan, taman peranginan serta kawasan di bawah jagaan Ketua Kampung Labi I.

Hasil rondaan dijalankan tiada kesalahan mahupun kegiatan mencurigakan yang menyalahi undang-undang ditemui.

Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kepada orang ramai jika ada mendapati sebarang kegiatan yang mencurigakan sila hubungi segera talian 993 atau melaporkan perkara berkenaan ke balai-balai berhampiran.



LENZA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :
1) 'Berskolah' - Tarikh Tutup : 12 Januari 2019
2) 'Air' - Tarikh Tutup : 26 Januari 2019
3) 'Senyum' - Tarikh Tutup : 9 Februari 2019
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.

